

# Kerajaan disokong semua pihak, stabil - PM

Oleh ASLINDA NASIR

Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Tidak timbul isu kerajaan akan menjadi lebih stabil sekiranya UMNO tidak lagi menjadi kerajaan.

Perkara itu ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dengan berkata, kerajaan hari ini adalah kerajaan UMNO dan beliau mendapat sokongan daripada semua pihak termasuk parti lain bagi memikul tugas sebagai Perdana Menteri daripada UMNO.

“Kita telah pun menunjukkan kerajaan yang stabil kerana pertama kali dalam sejarah, MoU (memorandum persefahaman) ditandatangani antara kerajaan dengan pembangkang yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

“Ini telah memastikan negara dalam keadaan stabil, jadi tidak timbul isu apa yang disebut oleh Menteri Kedah,” kata beliau selepas menghadiri majlis Makan Tengah Hari Lou Sang Tahun Baharu Cina di ibu negara semalam.

Terdahulu, Menteri Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor dilaporkan berkata, Malaysia akan mendapat kestabilan politik sekiranya UMNO tidak lagi memerintah.

Sanusi juga mendakwa kera-



**ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan angpau kepada kanak-kanak ketika hadir majlis sambutan Tahun Baharu Cina di ibu negara semalam. - UTUSAN FARIZ RUSADIO**

jaan Kedah adalah kerajaan paling stabil di Malaysia kerana UMNO mempunyai jumlah kerusi yang paling sedikit.

Pada majlis sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan menyekat kegiatan ekonomi termasuk Bazar Ramadan pada tahun ini.

Kata beliau, prosedur operasi standard (SOP) mengenai perkara itu akan diperhalusi dan diumumkan apabila sampai masanya nanti.

“Kita tidak akan tutup perniagaan, saya dah sebut raya ke, bulan puasa ke, pasar Ramadan ke, pasar malam ke, masih akan

dibuka seperti biasa,” kata beliau.

Sebelum ini, peniaga Bazar Ramadan meluahkan rasa bimbang tidak boleh berniaga akibat peningkatan kes Covid-19 yang meningkat secara mendadak, membabitkan varian Omicron sejak lebih sebulan lalu.